

Fokus utama Mustapa bantu stabil ekonomi semasa

AstroAwani

11 Mac 2020

Fauzi Suhaimi,

PUTRAJAYA: Datuk Seri Mustapa Mohamed menggariskan dua perkara yang akan menjadi fokus utama dalam tugas beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).

Menurut beliau, kedua-dua fokus itu ialah usaha menstabilkan keadaan ekonomi semasa serta menyiapkan kerja-kerja yang telah dilaksanakan bekas Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Tumpuan yang akan diberikan oleh beliau juga sejajar dengan apa yang diutarakan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam mesyuarat Kabinet Malaysia 2020 yang pertama pada Rabu.

“Tan Sri Muhyiddin Yassin sudahpun menggariskan beberapa perkara dan salah satu keutamaan ialah keadaan ekonomi.

"Kita menghadapi krisis ekonomi yang berpunca daripada masalah harga minyak, pengangguran, penularan wabak Karonavirus (COVID-19), sektor pelancongan yang turut terjejas.

"Perkara kedua pula ialah untuk menyiapkan kerja-kerja yang telah dilaksanakan Mohamed Azmin dalam menyediakan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) yang mana gagasannya ialah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)," katanya kepada wartawan, di sini hari ini.

Mustapha memulakan tugas hari pertama selepas dilantik menjawat jawatan itu yang disambut Mohamed Azmin yang kini Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Saiful Anuar Lebai Hussien.

Dalam pada itu, Mustapa berkata, pihaknya menyokong penuh perancangan Perdana Menteri untuk menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) bagi menstabilkan kedudukan ekonomi negara pada tahap terbaik.

“Kita amat mengalu-alukan penubuhan EAC dan ini merupakan keutamaan kerajaan memandangkan pada Isnin depan Perdana Menteri akan menguruskan mesyuarat sekali gus membuktikan beliau (Muhyiddin) pandang serius masalah ini," ujarnya.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/fokus-utama-mustapa-bantu-stabil-ekonomi-semasa-233299>